

# Penuntut antarabangsa kena buat ujian COVID-19 di negara asal

**Kuala Lumpur:** Semua pelajar antarabangsa yang mahu kembali ke kampus, perlu menjalani ujian saringan COVID-19 Polymerase Chain Reaction (PCR) atau RTK-Antigen di negara asal mereka dan hanya dibenarkan masuk ke Malaysia selepas tiga hari disahkan negatif wabak itu.

Menyatakan demikian, Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Dr Noraini Ahmad, berkata mereka daripada negara yang berisiko tinggi pandemik itu, termasuk Indonesia pula, perlu menjalani ujian saringan sekali lagi sejurus tiba di pintu masuk Malaysia.

Beliau berkata, pelajar terbabit tetap perlu menjalani semula saringan COVID-19 di negara ini, walaupun sudah disahkan negatif di negara asal masing-masing.

"Pelajar antarabangsa yang mengemukakan sijil perakuan (negatif COVID-19) diragui juga akan diminta untuk menjalani saringan semula di pintu masuk negara, walaupun mereka datang dari negara bukan berisiko tinggi."

"Jika tiada masalah, mereka (pelajar antarabangsa) hanya perlu melalui kaunter pemeriksaan Jabatan Imigresen, tetapi masih perlu menjalani kuarantin diri selama 14 hari," katanya pada sidang media, di Putrajaya, semalam.

Menjelaskan lanjut, Noraini berkata, pelajar antarabangsa juga perlu mendaftar dengan Education Malaysia Global Services sebelum diberikan kebenaran masuk ke Malaysia oleh Jabatan Imigresen.

"Mereka juga dikehendaki menjalani saringan kesihatan oleh Kementerian Kesihatan di pintu masuk negara ini, seterusnya kuarantin diri selama 14 hari di lokasi yang akan ditetapkan oleh IPT masing-masing," katanya.

Sementara itu, Noraini berkata, kemasukan semula pelajar antarabangsa ke kampus hanya membabitkan mereka yang sudah berdaftar dengan IPT sebelum pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Beliau berkata, ia membabitkan kira-kira 11,000 pelajar antarabangsa dari Pakistan, Indonesia dan Thailand yang pulang ke negara masing-masing ketika PKP dikuatkuasakan pada 18 Mac lalu.

"Kita juga ada permohonan baharu pelajar untuk masuk (bagi sesi) Januari dan Februari membabitkan lebih 9,000 orang, tetapi kita fokus kepada kira-kira 11,000 pelajar dari tiga negara teratas yang paling ramai untuk kembali ke Malaysia dahulu," katanya.